KPKT

MEMO PERHUBUNGAN
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

Kepada	**KPP/SB** **[Pn. Noor Zalaliesuzane Bt. Othman]**	**S.K.** **PUU/KPKT**
Daripada	**PKP(UU)G/BUU**	
Rujukan Kami	**KPKT.100-1/4/1 Jld. 13 (3)**	
Rujukan Tuan	**KPKT.600-3/103/1 (22)**	
Tarikh	22 **Oktober 2019**	
Perkara	**SEMAKAN DRAF KONTRAK PERUNDING BAGI CADANGAN PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH**	

DITERIMA
22 OCT 2019
UNIT SENIBINA
CAWANGAN PELAKSANAAN & PENYELENGGARAAN PROJEK

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas dan memo daripada Puan dengan nombor rujukan: KPKT.600-3/103/1 (22) yang bertarikh **7 Oktober 2019** dan diakui penerimaan oleh Bahagian Undang-Undang ("BUU") pada **8 Oktober 2019** adalah berkaitan.

2. Berdasarkan memo dan dokumen-dokumen yang dilampirkan bersama, BUU merumuskan **Draf Kontrak Perunding Bagi Cadangan Pembinaan Projek Balai Bomba Dan Penyelamat Beaufort, Sabah** ("draf Kontrak") ini adalah seperti berikut:

(a) Draf Kontrak ini merupakan Perjanjian Perunding antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan syarikat Noor Izwan Architect (No. Pendaftaran Lembaga Arkitek Malaysia : SP/N 157) iaitu Perunding Awam dan Struktur bagi Cadangan Pembinaan Projek Balai Bomba dan Penyelamat Beaufort, Sabah;

(b) Kerajaan telah bersetuju menerima tawaran Lantikan Terus Beserta Kos Siling (LTBKS) Perunding dengan harga sebanyak **RM 856,421.91** untuk tempoh selama **45 bulan** bermula dari **13 September 2019 sehingga 12 Jun 2023** atau tarikh penamatan awal; dan

(c) Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada Perunding bertarikh 18 September

UNIT SENIBINA
CAWANGAN PELAKSANAAN & PENYELENGGARAAN PROJEK

PTK		PTP		PPSK	
PPS		JT		K	
TINDAKAN	✓	MAKLUMAN		PERHATIAN	

NOTA:
Sila proceed utk baiki & siapkan.
23/10/2019
Please rekodkan semua komen BUU. HG.

2019.

3. BUU telah meneliti dan menyemak draf Kontrak ini berpandukan format Kontrak dalam Pekeliling Perbendaharaan 3.8 ('PK 3.8') bagi **Kontrak Perunding Form CSA2014-Architectural (Amendment 2018)** yang telah disediakan dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan **cadangan pindaan BUU terhadap draf Kontrak ini sebagaimana yang ditandakan dengan pen dakwat merah.**

4. Selain daripada pindaan-pindaan tersebut, BUU berpendapat bahawa draf Kontrak adalah teratur kecuali perkara-perkara berikut:

(a) Sila pinda perkataan "COMPANY NO." kepada perkataan "BOARD OF ARCHITECTS MALAYSIA REGISTRATION NO." di muka hadapan draf Kontrak;

(b) Sila pastikan tarikh Kontrak ini di mukadimah Kontrak adalah pada tarikh Kontrak ini ditandatangani;

(c) Sila semak semula nama firma, no. Pendaftaran Lembaga Arkitek Malaysia dan alamat berdaftar firma perunding adalah betul dan tepat, memandangkan BUU dimaklumkan bahawa syarikat tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);

(d) Sila pastikan maklumat di Perenggan A (pre-amble Kontrak) adalah betul dan selaras dengan SST;

(e) Sila pinda perkataan "Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration" kepada "Asian International Arbitration Centre" di Klausa 8.3 Perjanjian ini. Pindaan yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada pindaan pada Akta Timbang Tara 2005 [Akta 646] yang meminda nama Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asian (Malaysia) bagi menjadikan Malaysia sebagai salah satu pusat utama penyelesaian pertikaian di peringkat antarabangsa;

(f) Sila semak semula kos sebenar siling Kontrak yang dinyatakan dalam peruntukan Klausa 2.0 dan pastikan kos tersebut adalah konsisten dengan jumlah yang dinyatakan dalam ***Appendix 3*** (SST) dan ***Appendix 6A***. Semakan BUU mendapati terdapat jumlah berbeza. Sila pastikan kos-kos dan nilai jumlah yang dinyatakan di Klausa 2.0 adalah tepat dan selaras dengan hasrat Kerajaan

dan tatacara kewangan;

(g) Sila pastikan penomboran pada setiap muka surat Kontrak adalah selaras dengan "Table of Content" Kontrak;

(h) Sila pinda lampiran di ***Appendix 1 – Terms of Reference*** dan membuat pindaan dengan menggantikan perkataan "Appendix" di dalam Appendix 1 kepada perkataan "Attachment" bagi mengelakkan kekeliruan Pihak-Pihak;

(i) Sila pihak pastikan kesemua maklumat-maklumat yang diisi dalam ***Appendix 7*** adalah betul, tepat dan memadai bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Item 8 Appendix 7 Formula pengiraan LAD juga hendaklah dipastikan selaras dengan tatacara kewangan;

(j) Sila pastikan Jadual Pembayaran pada ***Appendix 12 – Schedule of Payment*** adalah teratur dan selaras dengan peraturan dan tatacara kewangan Kerajaan;

(k) Sila pastikan keseluruhan isi kandungan Kontrak dan Lampiran adalah tidak bercanggah dengan keseluruhan klausa dalam draf Kontrak;

(l) Sila membuat semakan semula kepada kandungan Kontrak dan pastikannya adalah tepat, lengkap dan tidak bercanggah dengan kepentingan Kerajaan sebelum Kontrak ini dimuktamadkan; dan

(m) Sila membuat semakan semula terhadap perenggan 5.16(b), subperenggan 1.2(f) dan (g) lampiran Part B: Payment for Professional Services.

5. Selain itu, dimaklumkan bahawa BUU hanya bertanggungjawab menyemak draf Kontrak ini dari segi perundangan sahaja. Adalah ditegaskan bahawa pihak puan bertanggungjawab untuk memastikan terma, syarat dan kandungan ***Appendices*** dalam draf Kontrak ini adalah selaras dengan keputusan dasar dan memenuhi tuntutan operasi serta teratur dari segi prosedur, teknikal, tatacara kewangan Kerajaan dan kelulusan yang berkaitan.

6. Untuk makluman pihak puan, semakan awal Draf Kontrak ini telah dibuat oleh Penolong Pegawai Undang-Undang Azeera Natasha binti Mohd Noor Azmi dan dibuat semakan lanjut oleh Pegawai Undang-Undang Nor Iffa Zarilla binti Abd Rahman. Draf Kontrak ini juga telah dirujuk dan dibincangkan bersama YBrs. Tuan Penasihat Undang-Undang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

7. Pihak puan juga ditegaskan supaya memastikan semua maklumat dan perincian yang dikehendaki dilengkapkan dan dipinda dengan sewajarnya berdasarkan ulasan BUU sebelum draf Kontrak ini dimuktamadkan. Ini adalah kerana BUU tidak akan

bertanggungjawab sekiranya draf Kontrak tersebut dimuktamadkan tidak selaras dengan pindaan yang telah dibuat oleh BUU.

8. Sila pihak puan pastikan draf Kontrak ini adalah kemas dari segi *formatting, justifying, page numbering* dan penyusunan semula selepas pindaan dilaksanakan sebelum memuktamadkan draf Kontrak ini.

9. Selain itu, merujuk kepada Surat Setuju Terima, BUU mendapati tarikh Surat adalah lebih lewat dari tarikh berkuat kuasa Kontrak iaitu pada 13 September 2019.

10. Adalah ditegaskan bahawa pihak puan bertanggungjawab untuk memastikan terma-terma dan syarat-syarat dalam draf Perjanjian tersebut adalah selaras dengan keputusan dasar dan memenuhi tuntutan operasi serta teratur dari segi prosedur, tatacara kewangan Kerajaan dan kelulusan yang berkaitan.

11. Selanjutnya, bagi tujuan menandatangani Perjanjian ini kelak, BUU memohon agar pihak puan dapat memastikan Pihak-Pihak yang menandatangani Perjanjian ini mempunyai otoriti untuk berbuat demikian. Sila pastikan pihak yang menandatangani Perjanjian ini bagi pihak Kerajaan mempunyai otoriti untuk menandatangani Perjanjian ini di bawah **Akta Kontrak Kerajaan 1949** *[Akta 120]* manakala pihak yang menandatangani Perjanjian ini bagi pihak perunding mempunyai kuasa untuk berbuat demikian bagi pihak perunding.

12. Bersama-sama ini dikembalikan draf Perjanjian tersebut dan pindaan-pindaan editorial sebagaimana yang ditandakan dengan dakwat merah untuk perhatian dan tindakan lanjut pihak puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NOR IFFA ZARILLA BINTI ABD RAHMAN)
Peguam Kanan Persekutuan
b.p Penasihat Undang-Undang
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan